

CIDB AMBIL TINDAKAN JIKA KONTRAKTOR ABAI ASPEK KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Kuala Lumpur, 26 Februari: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) senantiasia menjalankan operasi bersepadu bersama-sama dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) negeri, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari semasa ke semasa.

Ketua Eksekutif CIDB, Dato' Sri Prof. Ir Dr Judin Abdul Karim berkata, CIDB akan mengambil tindakan disiplin ke atas kontraktor yang disabitkan kesalahan di mahkamah jika berlaku pelanggaran mana-mana undang-undang bertulis, termasuklah berkaitan pembiakan aedes di tapak bina.

“Mana-mana kontraktor yang didapati gagal mematuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana telah melanggar syarat-syarat pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Peraturan 3 atau 5, Peraturan-peraturan Pendaftaran Kontraktor 1995 yang boleh mengakibatkan pendaftarannya dengan CIDB dibatal atau digantung atau ditarik balik,” katanya.

Dalam pada itu, CIDB telah mengeluarkan Pekeliling Tanggungjawab Kontraktor kepada semua kontraktor berdaftar dengan tujuan memberi peringatan supaya memberi perhatian serius terhadap tanggungjawab mereka berkaitan keselamatan dan kesihatan, terutamanya yang menyentuh orang awam.

Pekeliling ini turut menyenaraikan peruntukan berkaitan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154).

Tahun ini CIDB dan Jabatan Kesihatan merancang untuk mengadakan seminar untuk penggiat industri binaan bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai pembiakan aedes yang sebahagiannya berpunca dari pengurusan tidak sempurna di tapak binaan.

habis//